



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (080-088)

### Gaya Bahasa Vulgar dalam Novel Melayu

Mohammad Fadzeli Jaafar

[fadzeli@ukm.edu.my](mailto:fadzeli@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

Tarikh terima : 05 Oktober 2023  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 10 November 2023  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023  
*Published online*

---

#### Abstrak

Kajian bahasa vulgar merujuk kepada kata-kata atau kelakuan yang tidak senonoh atau penggunaan kata menyumpah/mengutuk. Bahasa vulgar wujud dalam pelbagai konteks, iaitu verbal atau naratif. Trend kini menunjukkan bahasa vulgar semakin banyak dikaji dalam pelbagai bahasa dan budaya di dunia. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk vulgar dan strategi penggunaannya dalam karya sastera Melayu. Secara umumnya, sastera Melayu dikuasai oleh tradisi bahasa sopan, khususnya sastera Melayu klasik. Bagaimanapun, sastera Melayu moden telah memperlihatkan wujudnya penggunaan bahasa vulgar, yang menyimpang daripada gaya sastera Melayu klasik. Pengkategorian bahasa vulgar dilakukan berdasarkan domain yang dikemukakan oleh Allan dan Burridge (2006). Data untuk perbincangan dipetik daripada teks Melayu yang dihasilkan oleh A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa vulgar dalam novel Melayu digunakan dalam naratif dan verbal. Kategori vulgar yang ditemui tergolong dalam domain organ seks, penyakit dan kotoran. Kajian ini telah menyumbang kepada gaya bahasa vulgar dalam bahasa Melayu, khususnya dalam teks kesusasteraan.

Kata kunci: vulgar; teks Melayu, gaya, bahasa sopan, domain

#### *Vulgar language style in Malay novels*

#### *Abstract*

*The study of vulgar language refers to indecent words or behavior or the use of swearing/cursing words. Vulgar language exists in various contexts, i. e. verbal or narrative. Current trends show that vulgarity is being studied in various languages and cultures in the world. This paper aims to identify vulgar forms and strategies for their use in Malay literary works. In general, Malay literature is dominated by the tradition of polite language, especially classical Malay literature. However, modern Malay literature has shown the existence of the use of vulgar language, which deviates from the classical Malay literary style. The categorization of vulgar language is based on the domain proposed by Allan and Burridge (2006). The data for the discussion is taken from the Malay text produced by A. Samad Said and Shahnnon Ahmad. The results of the study found that vulgar language in Malay*

*novels is used in narrative and verbal. The category of vulgarity found belongs to the domain of sex organs, disease and dirt. This study has contributed to the vulgar language style in the Malay language, especially in literary texts.*

*Keywords: vulgar, Malay texts, style, polite language, domain*

---

## 1. Pengenalan

Kata ‘vulgar’ merujuk kepada penggunaan bahasa yang kasar, biadap dan kotor atau lucu. Bahasa vulgar juga dikaitkan dengan laras bahasa yang rendah, tabu dan menjijikkan, yang secara umumnya dilarang penggunaannya dalam wacana yang beradab atau sopan (Elisabeth & Ulrike, 2019). Konsep ‘vulgar’ atau ‘tabu’ ini berasal dari dialek kepulauan Polinesia (Sayed Younes & Saueed Yousef, 2014, Yang Hua, 2020). Diceritakan Kapten James Cook telah belayar ke pulau Pasifik pada tahun 70-an, dan memerhatikan perlakuan orang Polenesia. Kapten James Cook dan anak kapalnya telah merakam perkataan vulgar, yang berkaitan dengan perlakuan yang dilarang, iaitu sesuatu yang tidak boleh dimakan, disentuh, dimasuki dan ditutur. Besar kemungkinannya, kerana asal-usul inilah, vulgar dikaitkan dengan budaya primitif, tetapi wujud juga budaya kontemporari Barat. Justeru, pada hari ini konsep vulgar secara umumnya merujuk kepada topik atau aktiviti yang dicegah atau dilarang, iaitu bergantung kepada sosial, budaya dan kepercayaan agama. Dalam hal ini, Ljung (2011) menyatakan bahawa vulgar ditentukan oleh sudut pandangan masyarakat yang sopan, yang berkaitan dengan sesuatu yang boleh atau tak boleh dicakap. Pernyataan ini sebenarnya berhubung dengan tingkat kelas sosial, khususnya penutur dalam kelas bawahan, yang menggunakan bahasa ‘rendah’, termasuk mencarut atau sumpah seranah. Dalam perkataan lain, bahasa vulgar secara umumnya berkaitan dengan penutur kelas rendah, yang lazimnya menggunakan bahasa tidak formal, yang mungkin bersifat tak sopan. Sebaliknya, golongan atasan termasuk dalam kelas tinggi, yang menggunakan bahasa formal, yang bersifat sopan.

Bahasa vulgar juga mempunyai ciri yang hampir sama dengan slanga kerana kedua-duanya merujuk kepada bahasa tak formal, iaitu kasar dan boleh menyingung perasaan orang lain. Bagaimanapun, slanga lazimnya dicipta oleh golongan yang tertentu dan boleh berubah mengikut zaman. Dalam maksud lain, slanga ada ciri inovasi – penciptaan kata tertentu yang hanya difahami oleh kelompok atau kumpulan tertentu. Vulgar pula lebih kasar sifatnya, dan biasanya digunakan dalam skatologikal, iaitu berhubung dengan badan manusia atau tema seksual.

Menurut Umar Junus (1989), kesusasteraan Melayu, misalnya dalam prosa Melayu moden ada menonjolkan ciri-ciri vulgar. Antara pengarang yang pernah menggunakan kata-kata vulgar dalam prosa Melayu moden ialah A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad. Penggunaan bahasa vulgar dianggap sebagai penyimpangan kerana dalam prosa Melayu klasik lebih menonjolkan penggunaan bahasa sopan. Makalah ini akan membincangkan penggunaan bahasa vulgar dalam teks kesusasteraan Melayu moden, berdasarkan kategori vulgar yang dicadangkan oleh Allan dan Burridge (2006).

## 2. Kajian Vulgar dalam Teks Sastera

Suatu masa dulu, sesuatu yang merujuk kepada badan manusia dan fungsinya dilihat sebagai vulgar. Misalnya di Perancis, menyebut perkataan sapu tangan (*handkerchief*) dalam prosa dianggap sebagai vulgar kerana sapu tangan ada implikasi menghembuskan sesuatu daripada hidung (Kolanchery, 2016). Perbuatan menghembus daripada hidung dianggap sebagai salah satu hal yang tidak selesa, yang terdapat dalam badan manusia. Oleh itu, sebarang unsur yang berkaitan dengan badan dan fungsinya tidak boleh digunakan dalam kesusasteraan Perancis. Persoalan penggunaan bahasa vulgar atau tabu juga pernah

dibincangkan oleh Rafiu Jamoh (2015) dalam masyarakat Nigeria. Menurutnya, di Nigeria, membicarakan isu seks, deskripsi organ seks dan fungsinya, pendidikan seks dan perhubungan seks secara fizikal dianggap tabu. Dalam kajiannya terhadap ‘Letter to my boss’ yang diposkan dalam *facebook*, Rafiu telah menyiasat bagaimana penulis artikel tersebut cuba mencabar budaya masyarakat Nigeria tentang isu tabu. Artikel ‘Letter to my boss’ ditulis dalam bentuk surat yang ditujukan kepada majikan bayangan di sebuah pejabat yang bersifat fiksiyen. Dalam surat tersebut, penulis menamakan dirinya sebagai ‘the penis’ yang sedang berusaha memberi justifikasi tentang kenaikan gajinya. Dalam tulisan tersebut, penulis telah memilih perkataan dan frasa seperti *the penis*, *high temperature*, *dumb environment* dan *contagious diseases* untuk menggambarkan persekitaran pekerjaannya. Kesemua perkataan yang dipilih oleh penulis bersifat eufemisme kerana perkataan vulgar adalah tabu dalam sosiobudaya masyarakat di Nigeria.

Kajian yang terkini tentang penggunaan perkataan tabu dalam novel telah dilakukan oleh Arief, Waladdin dan Adi (2020). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk kata tabu dan menjelaskan penggunaan kata tabu dalam novel *Peepshow*. Hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk tabu dalam teks tersebut adalah lucu, iaitu penggunaan kata-kata tidak sopan yang berkaitan dengan badan dan fungsi seksual. Contohnya kata *shit* dan *fucking* yang digunakan untuk menyampaikan perasaan dan emosi marah kepada orang lain. Manakala kata *tits* digunakan untuk menggambarkan perasaan gembira, iaitu melalui pernyataan berikut, *I finished zipping them and straightened up, shaking her hand. “I love your tits.” It just slipped out.* Dalam konteks lain, ditemui pula penggunaan kata vulgar, misalnya *cunt*, yang bertujuan untuk menggambarkan perasaan marah sipenutur.

Selain itu, vulgar turut diteliti dalam konteks terjemahan. Misalnya Sayyed & Sayyed (2014) menyiasat penggunaan unsur vulgar dalam drama yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Parsi. Sayyed & Sayyed telah memilih secara rawak sejumlah 30 perkataan vulgar yang digunakan dalam terjemahan drama bahasa Inggeris dan bahasa Parsi. Hasil kajian mendapati beberapa kata vulgar telah pupus, dan sejumlah kata vulgar baru telah diperkenalkan kepada penutur bahasa Parsi melalui terjemahan karya bahasa Inggeris, misalnya Shakespeare dan Miller. Contohnya, kita boleh mendengar penutur bahasa Parsi, misalnya generasi muda menyebut perkataan *gay*, *shit*, *fuck* dan *bastard* dalam pertuturan harian. Manakala, kata vulgar dalam bahasa Inggeris yang berkaitan dengan darah, kehamilan dan agama menjadi sesuatu yang lazim dalam bahasa Inggeris lama berbanding bahasa Inggeris moden. Sebaliknya, kata vulgar seperti *cock*, *cunt*, *penis* dan *motherfucker* semakin meluas digunakan dalam bahasa Inggeris moden berbanding sebelumnya.

Selanjutnya, Tristy (2018) turut mengkaji terjemahan novel *Cantik itu luka* dari aspek vulgar. Menurut Tristy, konsep vulgar dalam bahasa Indonesia adalah sama dengan tabu atau kata sumpahan dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini, tabu ialah sesuatu yang dilarang untuk disentuh, dilakukan atau dicakap kerana ada unsur supernatural yang merbahaya. Hasil kajiannya telah menemukan beberapa jenis bahasa vulgar dalam novel tersebut, yang merujuk kepada seks, misalnya pejoratif (*ngentot*), anggota badan khusus yang berfungsi dalam aktiviti seks (*buah pelir*, *lubang anus*), rujukan skatologi (*tai*), mencela yang merujuk kepada psikologi, fizikal, ekonomi atau kondisi sosial (*bodoh*, *cacat*), kata sumpahan untuk menzahirkan kemarahan atau kebencian (*sialan*, *brengsek*), haiwan yang merujuk kepada kotoran (*anjing*) dan entiti yang dipercayai berniat jahat (*setan*, *iblis*).

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah dirumuskan bahawa bahasa vulgar telah dikaji dalam pelbagai genre kesusasteraan seperti prosa dan drama. Penggunaan kata vulgar dalam karya sastera bertujuan menzahirkan perasaan marah atau gembira. Kata vulgar juga hadir dalam pelbagai bentuk, misalnya yang merujuk kepada anggota badan, seks, haiwan dan entiti tertentu. Dalam perkataan lain,

kata vulgar bukan sahaja digunakan dalam pertuturan, malah digunakan juga dalam karya sastera untuk menimbulkan kesan tertentu. Berkaitan dengan hal tersebut, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata vulgar dan strategi penggunaannya dalam teks sastera Melayu moden.

## 2.1 Kategori Bahasa Vulgar

Bahasa vulgar boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian atau konsep, sebagaimana yang dicadangkan oleh Allan dan Burrige (2006):

- i. badan
- ii. organ dan perlakuan seks
- iii. penyakit, kematian dan pembunuhan, fizikal dan kecatatan mental
- iv. agama, penamaan dan gelaran orang suci
- v. pemakanan
- vi. pelacur, narkotik dan aktiviti kriminal

Pengkategorian vulgar di atas merujuk kepada anggota fizikal dan aktiviti kehidupan manusia. Misalnya badan, organ, penyakit dan kecacatan mental merujuk kepada fizikal individu. Manakala perlakuan seks, pembunuhan, pemakanan, pelacur, narkotik dan kriminal merujuk kepada aktiviti. Kesemua topik (fizikal dan aktiviti) ini biasa digunakan dalam kehidupan manusia. Selain itu, kata vulgar juga dikategori berdasarkan tema, sebagaimana yang dikemukakan oleh Ljung (2011):

- i. tema keagamaan/supernatural
- ii. tema skatologikal
- iii. tema organ seks
- iv. tema aktiviti seks
- v. tema (keluarga) ibu

Jika dibandingkan kedua-dua kategori bahasa vulgar oleh Allan dan Burrige, dan Ljung, terdapat persamaan makna, iaitu tema keagamaan (termasuklah penamaan dan gelaran orang suci) dan tema seks (melibatkan organ, perlakuan seks, pelacur, narkotik dan aktiviti jenayah). Bagaimanapun, Allan dan Burrige menyenaraikan beberapa tema bahasa vulgar yang tiada dalam kategori Ljung, seperti penyakit, kematian dan pembunuhan, fizikal dan kecatatan mental dan persediaan/pengambilan makanan.

Secara umum, bahasa vulgar digunakan untuk menyerang, menghina, mendera atau mempertahankan diri. Dalam perkataan lain, bahasa vulgar berfungsi sebagai senjata untuk menyerang atau mempertahankan diri. Dalam konteks tertentu, bahasa vulgar turut digunakan untuk jenaka. Misalnya, menyamakan seseorang dengan binatang (*bitch*) atau perlakuan seksual (*fuck/fucker*), menghina/merendah-rendahkan sifat seseorang (*idiot, retard*), dan bersifat perkauman (*Keling*). Bagaimanapun, penggunaan bahasa vulgar bergantung kepada konteks tertentu. Misalnya, jika sesuatu kata berunsur vulgar diucapkan untuk mewujudkan hubungan yang harmoni, penggunaannya boleh dianggap sopan, contohnya "This pie is pretty  *fucking*  good!". Kata  *fucking*  dalam konteks ini bertujuan memuji sesuatu makanan yang sedap. Sebaliknya, penggunaan kata  *fucking*  misalnya dianggap tidak sopan, apabila seseorang dengan sengaja menyerang orang lain, melalui ucapan "You  *fucking*  asshole!" (Jay & Janschewitz, 2008). Dalam konteks ini, kata  *fucking*  digunakan untuk mencerca orang lain.

## 2.2 Bahasa Vulgar dalam Teks Sastera Melayu

Dalam kesusasteraan Melayu, penggunaan bahasa vulgar dapat dikesan dalam karya tertentu. Dalam hal ini Umar Junus (1989:193) pernah menyatakan:

A. Samad Said dalam novel-novelnya yang awal, akhir 50-an dan awal 60an, memulai tradisi gaya yang baru, tidak ditemui bahkan mungkin dihindarkan sebelumnya. Gaya itu saya namakan vulgarisme, pengucapan sesuatu yang vulgar, kotor dan menjijikkan, dan keberanian menggunakan kata-kata vulgar, kata untuk kemaluan dan kotoran.

Petikan di atas menegaskan bahawa novel Melayu sebelum tahun 50-an belum menggunakan bahasa vulgar. Sebab itu gaya vulgar dianggap sebagai tradisi baru, iaitu penggunaan kata-kata yang kotor dan menjijikkan. Sesungguhnya tradisi kesusasteraan Melayu lama, misalnya hikayat dipenuhi dengan kata-kata sopan, indah dan ada nilai estetika. Tiada kata yang berunsur tabu, vulgar dan kotor (Umar Junus, 1989). Kehidupan yang digambarkan dalam hikayat Melayu lama adalah dunia istana yang penuh adab, sopan dan indah. Misalnya seorang gadis digambarkan kecantikannya, sementara seorang pemuda dengan kegagahannya. Pakaian dan penggunaan bahasa juga disulami dengan keindahan, bersesuaian dengan masyarakatnya, iaitu golongan raja, terhormat, atasan bukan bawahan. Sebaliknya, sastera Melayu moden menggambarkan realiti sebenar kehidupan rakyat biasa, yang serba kekurangan - tidak punya apa-apa (makanan atau pakaian). Mana Sikana (1983) menyatakan bahawa sastera Melayu selepas perang Dunia Kedua mengamalkan aliran realisme, iaitu karya sastera berfungsi sebagai alat untuk menggambarkan dunia sebenar. Kehidupan sebenar atau realiti dapat dikaitkan dengan gaya vulgar, iaitu suatu gaya yang menyimpang daripada tradisi Melayu lama, yang penuh dengan kesopanan. Dalam perkataan lain, gaya vulgar dianggap sebagai 'penyimpangan' atau 'pemberontakan' sosial – suatu ketidakadilan masyarakat yang sengsara dan kecil.

### 3. Metodologi

Makalah ini menggunakan kaedah analisis teks untuk membincangkan penggunaan bahasa vulgar, dengan rujukan khusus terhadap teks Melayu moden. Beberapa karya yang dihasilkan oleh A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad diteliti penggunaan kata atau ekspresi vulgar berdasarkan kategori bahasa vulgar yang dikemukakan oleh Allan dan Burrdige (2006). Novel yang dikaji ialah *Salina*, 1986; *Sungai Mengalir Lesu*, 1997; *Langit Petang*, 1980; *Longkang*, 1990 dan *Ranjau Sepanjang Jalan*, 1983.

Novel *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu*, misalnya pertama kali diterbitkan pada tahun 60an. Kedua-dua karya ini bertemakan peperangan sebelum kemerdekaan. A. Samad Said cuba menggambarkan realiti kehidupan di zaman peperangan, iaitu kemiskinan dan keruntuhan moral. Manakala *Langit Petang* diterbitkan pada tahun 1980, juga tentang keruntuhan moral selepas kemerdekaan. Watak utama dalam kesemua karya tersebut ialah wanita yang menjadi pelacur untuk kelangsungan hidup. Teks *Ranjau Sepanjang Jalan* pula ditulis oleh Shahnnon Ahmad, yang memaparkan kepayahan dan kemiskinan hidup golongan petani. Kewujudkan watak seperti pelacur dan orang miskin telah memungkinkan penggunaan bahasa vulgar dalam karya sastera.

### 4. Hasil dan Perbincangan

Berdasarkan kategori bahasa vulgar yang dikemukakan oleh Allan dan Burrdige (2006), kajian ini menemui sejumlah kata vulgar dalam teks sastera Melayu moden. Kata vulgar tersebut dikategorikan dalam kumpulan organ seks, misalnya:

- (1) Anak itu menggeleng-gelengkan kepalanya dan segera memegang *koteknya* bila Siti Salina merapatinya: kedua-dua belah tapak tangannya itu menyerkup *koteknya* kuat-kuat. "Nak kena potong *kotek* tak?" Siti Salina  
Mengulang lagi. Anak iu menggelengkan kepalanya sungguh-sungguh, dan memegang *koteknya* lebih kuat lagi. (*Salina*, 1986:27)

Petikan (1) diambil dari novel *Salina*. Perkataan *kotek* merujuk kepada zakar atau alat kelamin lelaki. Selain *kotek*, disebut juga sebagai *kote*, *pelir* atau *butuh*. Semua perkataan tersebut adalah vulgar kerana

merujuk secara langsung kepada zakar. Secara tersirat, *kotek* disebut *burung* atau *anu*. Penggunaan kata *burung* atau *anu* lebih sopan berbanding *kotek* yang bersifat kolokial. Contoh (3) menunjukkan kata *kotek* diulang-ulang sehingga empat kali. Dalam konteks di atas, kata *kotek* digunakan oleh Siti Salina sebagai ugutan kepada anak itu, “Nak kena potong *kotek* tak?” Dalam contoh lain, A. Samad Said menggunakan bahasa vulgar yang berkaitan dengan organ perempuan, misalnya *susu bengkak* dalam contoh berikut, yang dipetik dari novel *Langit Petang*.

- (2) Husni sedang mandi, dan Zakiah, walaupun sejuk dalam bilik berhawa dingin itu, sengaja cuba bercoli, membuatkan *susu bengkaknya* menambat eksekutif muda yang ternyata terlalu kurang berpengalaman. Sambil memerhati ke bawah, sengaja dia menggoyang-goyangkan punggungnya yang hanya berpanty merah muda. (*Langit Petang*, 1980: 106-107)

Frasa *susu bengkak* jelas merujuk kepada buah dada atau tetek perempuan. Penggunaan frasa *susu bengkak* dalam konteks ini berfungsi untuk menimbulkan kehairahan di pihak watak Husni. Perkataan *bercoli* juga adalah vulgar kerana watak Zakiah digambarkan tidak memakai baju. Pengarang cuba menggambarkan lagi keseksian watak Zakiah, melalui perbuatan menggoyang-goyangkan punggungnya yang hanya berpanty merah.

Seterusnya, penggunaan bahasa vulgar turut ditemui dalam novel Melayu, yang berkaitan dengan tema atau domain penyakit sebagaimana kategori vulgar yang dikemukakan oleh Allan dan Burrdige (2006).

- (3) Berat rasanya kaki yang bengkak itu. lagi kuat menajak, lagi besar cabuknya. Cabuk itu akan besar dan pecah. Akan merebak cabuk itu hingga habis seluruh kakinya. *Nanahnya akan meleleh sepanjang petak sawah. Darah busuk* akan menitik di atas mata tajam. Kakinya akan menjadi cabuk seluruhnya. Akan putuslah kaki itu bila tertumpu sendi lutut. Ataupun boleh jadi akan matilah dia kalau nanah itu degil melarikan diri dari paru-paru dan jantung. (Ranjau Sepanjang Jalan, 1983: 77-78)
- (4) “Pergi! Pergi ambil!” jerkahnya lagi tanpa sebarang simpati. Sesungguhnya Lahuma tidak perlu bersimpati apa-apa. Dia cuma hendakkan pisau. *Kakinya yang bengkak itu mesti dihiris* kalau anak-anaknya hendak makan. Kaki itu akan menghalang segala rancangan. *Kaki itu hendak dihiris. Biar berkuak mengalir nanah-nanah yang tersumbat itu. Biar nanahnya membawa keluar duri nibung itu.* (Ranjau Sepanjang Jalan, 1983:79)
- (5) Liah perlahan-lahan masuk ke dalam bilik dan keluar membawa sebilah pisau cukur. Dihulurnya pisau itu ke tangan bapanya. Adik-adiknya yang lain menangis lagi bila melihat mata pisau itu putih berkilat-kilat. Pisau itu dipegang erat-erat. Kaki sakitnya ditarik ke atas riba. *Bengkaknya menguning tegang.* Dengan menahan kesakitan, Lahuma *menujah hujung mata pisau* itu ke tapak kakinya yang terkandung nanah itu. *Daging kakinya terpokah. Tersembur nanah* keluar hampir-hampir secawan kopi. *Dihirisnya daging itu* laksana bukan dagingnya sendiri. Kemudian dipicit-picit hingga terketar-ketar tangannya. (Ranjau Sepanjang Jalan, 1983: 79-80)

Contoh di atas dipetik daripada novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, karya Shahnnon Ahmad. Novel ini memaparkan watak keluarga pesawah padi yang miskin dan menghadapi kesukaran dalam kehidupan. Watak utamanya, Lahuma dalam contoh di atas telah mengalami kesakitan kaki akibat tertusuk duri nibung, yang menghalangnya membajak sawah untuk menyara keluarganya. Cara pengarang menggambarkan kesakitan tersebut agak mengerikan, malah menjijikkan. Misalnya, kaki yang bengkak telah menjadi cabuk, iaitu sejenis penyakit seperti pekung. Cabuk tersebut semakin membesar dan pecah, sehingga mengeluarkan nanah yang meleleh dengan banyaknya (sepanjang petak sawah). Kesan yang lebih buruk lagi, nanah telah bercampur dengan darah busuk, dan boleh menyebabkan kematian. Kata-kata vulgar yang memberi kesan dalam contoh ini ialah *cabuk*, *nanah* dan *darah busuk*.

Contoh (4) pula adalah lanjutan daripada penyakit cabuk pada betis Lahuma, sehinggakan dia ingin mengiris kaki yang bengkak itu. Perkataan *dihiris* telah diulang sebanyak 2 kali, menunjukkan betapa nekadnya Lahuma ingin melakukan perbuatan tersebut. Kemudian, digambarkan oleh pengarang, jika dihiris kakinya akan berkuak mengalir nanah yang tersumbat, dan mengeluarkan duri nibung yang ada pada betisnya. Sekali lagi, kata vulgar dalam petikan ini ialah *nanah* dan gambaran kaki yang ingin dihiris. Seterusnya, contoh (5) merupakan klimaks kepada kesakitan yang dialami oleh Lahuma apabila anaknya, Liah membawa pisau cukur yang berkilat-kilat, untuk dihiris pada kakinya yang sudah semakin membengkak menguning (menjadi tegang). Pengarang memilih kata kerja yang agresif, iaitu *menujah* ke tapak kakinya yang bernanah. Gambaran selanjutnya agak mengerikan, iaitu daging kaki yang terpokah, menyebabkan nanah tersembur keluar dengan banyaknya (secawan kopi). Kemudian, digunakan lagi kata *dihiris* dagingnya dan *dipicit-picit*, dengan harapan semua nanah dan darah telah habis keluar dari kakinya.

Gambaran penyakit dan kesakitan yang dialami oleh watak ini agak berlebihan. Hal ini pernah dinyatakan oleh Kolanchery (2016) bahawa salah satu ciri bahasa vulgar adalah apabila pengarang cuba menggambarkan sesuatu peristiwa atau kejadian secara berlebih-lebihan (*highly exaggerated*). Dan menurut Kolanchery lagi, penggunaan bahasa vulgar dalam kuantiti yang banyak juga boleh meningkatkan emosi (*excessive emotions*). Berdasarkan pernyataan ini, dua ciri penting bahasa vulgar, iaitu menerangkan sesuatu peristiwa secara berlebihan dan penggunaan kata vulgar dalam kuantiti yang banyak. Jika dikaitkan dengan contoh (4) misalnya, Shahnnon Ahmad menggambarkan peristiwa tersebut secara berlebihan, iaitu cara Lahuma menujah dan menghiris kakinya, sehingga menyebabkan dagingnya terpokah dan nanah tersembur keluar. Malah, perkataan *nanah* dan *dihiris* diulang beberapa kali dengan tujuan untuk meningkatkan emosi atau perasaan ngeri.

Contoh petikan lain yang berunsur vulgar merujuk kepada kekotoran, iaitu najis manusia dan binatang atau keadaan persekitaran. Misalnya:

- (6) Dan seperti semalam juga, anak-anak kambing itu menyondol-nyondol susu ibunya yang tergayut memberat itu. Mereka berterusan sahaja kelaparan nampaknya. Di kaki mereka *berselerakan* dan *melekat-lekat tahinya yang bulat-bulat kecil seperti biji majun itu*. kebanyakan daripadanya masih bulat lagi. Tapi ada yang sudah leper-leper kerana dipijak berkali-kali oleh kambing-kambing itu sendiri. (Salina, 1986:25).
- (7) Dalim menyelam, kemudian timbul betul-betul pada kumpulan rezeki yang diharapkannya itu. memang benar ada dua biji pisang, sebiji yang lisut masih belum terjamah, dan sebiji lagi sudah pun dimakan setengah entah oleh siapa. Sayangnya di tepi pisang dan potong kayu yang bersalut dengan tali guni dan sayur-sayur busuk itu *terapung-apung pula tiga empat ketul tahi hitam yang panjang-panjang melengkung*. Dalim meluikkan air yang berada di dalam mulutnya, lalu menjerit: “Babiiiiiii!” (Sungai Mengalir Lesu, 1997:20-21).
- (8) Empat ekor itik sedang sibuk di longkang yang airnya hitam berbuih tidak mengalir. Longkang itu terbentuk dari beberapa buah longkang-longkang kecil dari rumah Kamala Bi, Kiah Kedempol, Zaharah Bulat, Marimuthu, Abdul Karim, Kadir Mahmud, Manisah, Abdul Rahman, Haji Musa dan beberapa orang lagi. Longkang-longkang kecil ini bercantum menjadi sebuah longkang yang besar – bengkang-bengkok memanjang dan berakhir di rimbun semak-semak yang bertimbun dengan *kertas-kertas suratkhbar lama yang sudah basah dan koyak-koyak, kain-kain perca yang kotor dan ronyok, tin-tin susu bertakung air yang menjadi dunia bagi beribu-ribu ekor jentik-jentik, botol-botol sompek dan retak yang berminyak, dan sisa-sisa makanan basi yang berlendir: nasi, ikan, sayur-sayur dan hampas kelapa*. (Longkang, 1990:172).

Dua contoh awal (6) dan (7) adalah gambaran ibu kambing dan anak-anaknya, yang sedang kelaparan. Kawasan tersebut dipenuhi dengan najis atau tahi kambing, yang dikesan melalui kata

*berserakan*. Gambaran tersebut menjadi vulgar kerana pengarang cuba memperincikan sifat najis kambing, yang melekat dan bulat seperti biji majun. Gambaran seperti ini boleh menimbulkan rasa jijik atau geli di pihak pembaca. Kemudian, dijelaskan lagi oleh pengarang bahawa ada najis yang bulat tadi menjadi leper kerana dipijak oleh kambing. Salah satu gaya vulgar yang dapat dikesan ialah perincian sesuatu peristiwa oleh pengarang melalui kata-kata vulgar dengan tujuan untuk menimbulkan suasana realistik.

Contoh berikutnya dipetik dari novel *Sungai Mengalir Lesu* juga oleh A. Samad Said. Sebagaimana *Salina*, novel ini juga bertemakan peperangan. Justeru itu, dapat difahami bahawa watak dalam cerita tersebut akan berhadapan dengan pelbagai kesusahan dan kesengsaraan hidup. Misalnya, watak Dalim dalam contoh ini digambarkan sedang mandi, sambil berharap akan mendapat rezeki di sungai tersebut. Dan terbukti, memang ada dua biji pisang yang terapung. Peristiwa itu digambarkan secara vulgar apabila pengarang menerangkan bahawa di tepi pisang yang terapung itu ada pula tiga empat ketul tahi manusia. Lebih menimbulkan rasa jijik dan kotor apabila pengarang memperincikan sifat tahi tersebut, iaitu hitam dan panjang melengkung. Cara perincian sebegini agak berlebihan sehingga menimbulkan rasa jijik, apabila watak Dalim meluikkan air yang berada dalam mulutnya. Hal ini bermaksud Dalim telah terminum atau merasai tahi tersebut, dan diiringi jeritan *babi* – tanda marah yang amat sangat. Pengarang dalam kedua-dua petikan ini secara jelas memilih kata-kata vulgar seperti *tahi*, dengan perincian sifat atau keadaan tahi/najis tersebut. Walaupun tujuan pengarang menggunakan kata *tahi* untuk menimbulkan kesan realistik, tetapi perincian yang berlebihan boleh menyebabkannya menjadi vulgar.

Perhatikan pula contoh (8) yang berunsur vulgar apabila pengarang memperincikan kawasan persekitaran di sebuah penempatan. Petikan ini hanya terdiri dari tiga ayat. Bersesuaian dengan tajuk ceritanya, iaitu longkang, pengarang menceritakan sekumpulan itik yang berada di longkang yang kotor (air hitam berbuih). Longkang tersebut tidak mengalir airnya kerana dipenuhi kotoran dan bahan buangan. Ayat kedua pula menerangkan pembentukan longkang tersebut, hasil (gabungan longkang kecil dari beberapa rumah). Ayat seterusnya berfungsi untuk menjelaskan sebab air longkang menjadi hitam, dan tidak mengalir airnya kerana terdapat di dalamnya kertas surat khabar, kain perca, tin susu, botol dan sisa makanan. Gambaran keadaan longkang yang terperinci seperti kain perca yang kotor, tin bertakung yang dipenuhi oleh jentik-jentik, botol sompek dan retak, dan sisa makanan berlendir telah menimbulkan rasa jijik dan vulgar.

## 5. Kesimpulan

Bahasa vulgar dalam karya sastera Melayu sudah sudah wujud sekitar akhir tahun 50-an, dan awal tahun 60-an. Penggunaan bahasa vulgar boleh dianggap gaya yang menyimpang daripada kesusasteraan Melayu lama, yang dipenuhi dengan bahasa sopan. Bagaimanapun, bahasa vulgar lebih banyak yang digunakan dalam naratif, iaitu penceritaan. Manakala dalam ujaran atau verbal, lazimnya pengarang menggunakan kata vulgar dalam domain organ seks atau anatomi manusia. Strategi penggunaan bahasa vulgar oleh pengarang Melayu dapat dikaitkan dengan kotoran dan kemiskinan, iaitu lukisan/gambaran kehidupan orang miskin. A. Samad Said misalnya, bercerita tentang penduduk setinggian yang miskin di Singapura, dan kisah peperangan yang menyebabkan manusia susah mendapatkan makanan. Maka, bahasa vulgar dapat membantu mewujudkan suasana realistik tentang sesuatu peristiwa yang diceritakan. Hal ini ditambah pula, dengan sikap atau gaya pengarang yang gemar menggambarkan sesuatu peristiwa atau akitiviti secara berlebihan, sehingga menimbulkan kesan jijik dan mengerikan. Dalam perkataan lain, bahasa vulgar berfungsi untuk meningkatkan emosi pembaca tentang sesuatu hal yang bersifat negatif. Misalnya, peristiwa kaki Lahuma terkena duri nibung menjadi negatif apabila pengarang memperincikan secara berlebihan kesakitan dan proses membuang duri nibung tersebut.



## Rujukan

- A. Samad Said. (1986). *Salina*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1980). *Langit Petang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1990). Longkang. Dalam Awang Had Salleh. *Budi*. Selangor. Marwilis Publishers & Distributors Sdn. Bhd.
- A. Samad Said. (1997). *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allan, K. & Burridge, K. (2006). *Forbidden words: Taboo and the censoring of language*. Cambridge University Press.
- Arief Nughara, Waladdin Panggabean & Adi Prautomo. (2020). Revealing expression through taboo words in the novel *Peepshow*. *Prologue: Journal on Language and Literature*. Vol. 6, No.2. 2020, hlm.99-109.
- Eder, E. & Ulrike Krieg-Holz. (2019). At the lower end of language-exploring the vulgar and obscene side of German. *Proceedings of the third workshop on abusive language online*. Hlm. 119-128.
- Jay, T. dan Janschewitz, K. (2008). The pragmatics of swearing. *Journal of Politeness Research* 4 (2008), 267-288.
- Kolanchery, G. (2016). Vulgarity in literature according to Aldous Huxley. *Global English-Oriented Research Journal*. Vol. 1 Issue 4 – March 2016. 203-206.
- Ljung. 2011 *Swearing: A Cross-Cultural Linguistic Study*. New York: Palgrave Macmillan.
- Mana Sikana. (1983). *Aliran dalam sastra Melayu*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rafiu Jimoh. (2015). Stylistic choice of euphemism as a strategy against vulgarity in media sosial. *Global Journal of Arts, Humanities and Social Sciences*. Vol.3, No.11, pp.73-81, November 2015.
- Sayed Younes Alavi & Sayed Yousef panjehband. (2014). A skopos-based study on translation of vulgarity from English into Persian in Dramas. *International Journal of Social Sciences and Humanities Research*. Vol. 2, Issue 2, Feb. 2014, hlm. 37-44.
- Shannon Ahmad. (1983). *Ranjau Sepanjang Jalan*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur. Teks Publishing Sdn Bhd.
- Tristy Kartika Fi'aunillah. (2018). *Vulgar language translation from Cantik itu luka novel*. Proceedings of the Annual Conference on Social Science and Humanities (ANCOSH 2018), hlm. 226-232.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik. Satu pengenalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yang Hua. (2020). A comparative study pf English taboos and euphemisms. *International Journal of Humanities Social Sciences and Education (IJSSE)*. Volume 7, Issue 3, March 2020, PP 17-21.

## Biodata penulis

Mohammad Fadzeli Jaafar (PhD) ialah pensyarah di Program Linguistik, UKM. Bidang penyelidikannya termasuklah stilistik, analisis wacana dan sosiolinguistik. Hasil penyelidikannya diterbitkan dalam jurnal *GEMA Online, Indonesian Journal of Applied Linguistic (IJAL), Jurnal Kemanusiaan dan Kajian Malaysia*.